

**Sistem Pendaftaran Dalam Talian Perniagaan Bagi Pelaksanaan GST Kini Sedia  
Bernama  
24 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Sistem pendaftaran dalam talian bagi perniagaan berhubung Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kini sudah sedia, kata Penolong Kanan Pengarah Kastam 1, Kastam Diraja Malaysia, Rohana Ahmad.

Beliau berkata pendaftaran itu akan dibuka mulai Januari 2015, tiga bulan sebelum pelaksanaan GST pada 1 April.

Ini bertujuan mengelakkan kesesakan dan melancarkan pelaksanaan GST yang menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Beliau berkata ada juga rancangan untuk membuka sistem pendaftaran dalam talian itu sebelum Januari 2015.

Sementara itu, semasa Seminar GST 2014 di sini Isnin, Rohana berkata penyebaran maklumat kepada perancang kewangan amat penting bagi kejayaan pelaksanaan GST.

"Kerajaan peka terhadap keperluan rakyat dan telah mula mendidik orang ramai tentang GST sebelum pelaksanaannya," tegas Rohana.

Seminar sehari anjuran Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MPKM) dan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia itu menampilkan penceramah dari Jabatan Kastam, dan dihadiri 200 peserta.

Presiden MPKM, Md Adnan Zain, berkata pengetahuan perancang kewangan tentang GST telah meningkat ekoran usaha yang diambil untuk menyesuaikan mereka dengan cukai ini.

"Selain membantu pelanggan lebih memahami GST, kita juga boleh membantu mereka merancang kewangan mereka dengan baik," katanya kepada pemberita pada seminar itu.

Beliau berkata dengan cara ini perancang kewangan boleh membantu meringankan beban Jabatan Kastam dalam usaha mendidik perniagaan tentang GST.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024423>